

# 150 bakal terima bantuan Pakej Makanan

UB 20.2.2019 B6

TAMBUNAN: Seramai 150 orang yang berkelayakan dan terpilih dalam golongan keluarga berpendapatan rendah (B40) terdiri ibu bapa tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dari sekitar daerah ini akan menerima bantuan Pakej Makanan sempena Program Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama komuniti yang akan diadakan pada 21 Februari di Pisompuruan Square di sini.

Penolong Pegawai Daerah Herry Awit menyatakan demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasaran program itu di Pejabat Daerah Tambunan.

"Program ini yang juga anjuran bersama Hospital UMS, National Food Aid Foundation, Pejabat Daerah dan Pejabat Kesihatan daerah ini antara lain bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan kepentingan penjagaan kesih-

tan dan perkongsian penjagaan kesihatan antara doktor Hospital UMS dengan masyarakat," katanya.

Selain itu, katanya, pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang program itu seperti pemeriksaan kesihatan, pameran kesihatan, kempen derma darah, ceramah kesihatan, Klinik Berhenti Merokok dan lain-lain lagi.

Herry yang mewakili pegawai daerah berkata, program

yang akan dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin itu sememangnya memberi manfaat kerana para peserta akan didedahkan kepada hal ehwal kesihatan khususnya berkaitan kehidupan sehari-hari.

"Saya juga mengalu-alukan kehadiran masyarakat umum ke program ini kerana pengisian aktiviti yang dilaksanakan sangat menarik yang sudah pastinya akan memberikan satu lagi percambahan ilmu berguna.

"Ini kerana adanya perkhidmatan kesihatan yang diadakan secara langsung yang boleh membantu dan memberi bimbingan kepada orang ramai supaya sentiasa mengutamakan aspek kesihatan dalam kehidupan sehari-hari," katanya.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Penolong Pendaftar Hospital UMS Hinmin Chiam Tah Kong dan Penolong Pegawai Pembangunan Daerah Elvina Jane Justin.



**HERRY** (duduk, dua kanan) bersama ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan kerajaan selepas mesyuarat itu. Turut kelihatan Hinmin (dua kiri) dan Elvina (kanan).